

5) RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Puan Pua Pei Ling (Bukit Lanjan)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) Nyatakan bilangan Rumah Selangorku yang telah dibina antara tahun 2018 hingga 2023.

Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan dari tahun 2014 dengan tujuan untuk menyediakan akses dan kepelbagaian penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang lebih selesa dan kondusif kepada pemohon berkeelayakan. Untuk tempoh 2018 sehingga 31 Disember 2023, terdapat **95 projek** dengan **30,327 unit** Rumah Selangorku telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pembeli.

- b) Perincikan statistik permohonan Rumah Selangorku yang telah diterima, jumlah permohonan yang telah diluluskan dan jumlah permohonan yang ditolak.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik permohonan Rumah Selangorku yang telah diterima, jumlah permohonan yang telah diluluskan dan jumlah permohonan yang ditolak adalah seperti berikut :

TAHUN	RUMAH SELANGORKU		
	PENAWARAN	TERIMA TAWARAN	TOLAK TAWARAN
2018	4,813	897	5,897
2019	4,000	2,053	5,969
2020	381	3,977	4,363
2021	211	4,399	4,032
2022	545	10,307	6,576
2023	2,214	8,441	3,073
JUMLAH	12,164	30,074	29,910

c) **Apakah perancangan kerajaan dalam menambahbaikkan pemprosesan permohonan dan penambahan pembinaan?**

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui insentif galakan pembinaan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI) Pasca Covid-19 telah membenarkan pemaju meminda syarat daripada Rumah Selangorku Jenis A, Jenis B, Jenis C dan Jenis D kepada satu jenis sahaja iaitu Rumah Selangorku Jenis E (Khas) atau dikenali sebagai Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mempercepatkan proses permohonan penawaran nama Rumah Selangorku Jenis D, E dan E Khas (Rumah Idaman MBI dan Rumah Harapan) ini seperti berikut :

- i. Pengagihan Kuota dimana LPHS sebanyak 50% dan 50% lagi kepada Pemaju ;
- ii. Tawaran Khas kepada Pembeli Rumah Kedua untuk Rumah Selangorku Jenis D, E dan E Khas dibawah Kuota Pemaju (50%). Manakala kuota LPHS (50%) berdasarkan merit pemohon iaitu pemohon dan pasangan tiada pemilikan rumah di Selangor seperti berikut :

PERKARA	SEDIADA	PENAWARAN
Pengagihan Kuota Penawaran Nama	Nama 100% daripada Sistem LPHS	(A) <u>50% DARIPADA SISTEM LPHS</u> Daripada jumlah tersebut (100%), 50% kuota bumiputera dan 50% kuota bukan bumiputera (B) <u>50% DARIPADA PEMAJU</u> Daripada jumlah tersebut (100%), 50% kuota bumiputera dan 50% kuota bukan bumiputera
Syarat Pemohon	Pembeli Pertama 100%	(A) <u>50% NAMA DARIPADA LPHS</u> Syarat kelayakan Pembeli Pertama (Kekal) sepertimana Dasar Rumah Selangorku 2.0 (B) <u>50% NAMA DARIPADA PEMAJU</u> Syarat kelayakan Pembeli Pertama diberikan keutamaan dan penawaran kepada pembeli Rumah Kedua dibenarkan

- iii. Proses penawaran nama pemohon RSKU yang diurusetikan oleh LPHS melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangorku akan bersidang 2 kali sebulan (20 kali setahun) ;

- iv. Senarai pemohon yang berjaya dipilih (pra-tawar) daripada Sistem Pendaftaran Hartanah Negeri Selangor (SPHNS) akan menerima Sistem Pesanan Ringkas (SMS) daripada LPHS selepas 14 hari daripada tarikh mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama ; dan
- v. Syarat permohonan Rumah Selangoku telah ditingkatkan pendapatan isi rumah bermula dari RM3,500.00 sehingga RM14,500.00 bagi kategori jenis A, B, C, D dan E Khas.